

24 JUN 2003

Parlimen-Mahathir (Bumiputera)

DR MAHATHIR MAHU BUMIPUTERA TINGKAT ILMU DAN UBAH SIKAP

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Kaum Bumiputera perlu meningkatkan penguasaan ilmu dan kecekapan, serta menggubah sikap bagi menangani segala cabaran yang dibawa oleh globalisasi, modenisasi dan perkembangan pesat ekonomi negara, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Kita yakin jika Bumiputera dapat ubah sedikit budaya mereka, mereka dapat sesuaikan diri dengan dunia yang membangun begitu pesat."

Beliau juga yakin jika Bumiputera diberi peluang dan latihan tertentu mereka akan dapat memahami lebih baik perkembangan semasa.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan asal dan tambahan Datuk Ahmad Husni Mohd Hanadzlah (BN-Tambun) pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Ahmad Husni dalam soalnya ingin tahu sama ada Dr Mahathir bimbang dengan pencapaian minimum Bumiputera dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi dan kesediaan mereka menghadapi cabaran globalisasi.

Dr Mahathir berkata: "Kerajaan sedar pencapaian Bumiputera secara umumnya masih lagi rendah dalam bidang-bidang itu, dan terjejas kerana pertumbuhan ekonomi yang lembap."

Beliau berkata: "Perkembangan ini sememangnya lebih membimbangkan."

"Tetapi yang pastinya kita harus sedar bahawa kejayaan tidak hanya bergantung kepada usaha kerajaan semata-mata," katanya.

Adalah perlu bagi Bumiputera "sendiri menyahut cabaran, dan sanggup berusaha dan bekerja lebih gigih untuk memperkukuhkan lagi asas yang sedia ada.

"..dan meningkatkan daya saing mereka khususnya dalam menghadapi masa depan dan era globalisasi," katanya.

Beliau berkata walaupun kemajuan Bumiputera dalam bidang-bidang itu masih rendah, "tetapi peratusan peningkatan penguasaan ekonomi oleh Bumiputera adalah lebih daripada Bukan Bumiputera dan orang asing."

Menjawab soalan tambahan Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun), Dr Mahathir berkata ramai golongan Bumiputera telah berjaya dalam pemilikan saham, walaupun daripada segi jumlah, individu Bumiputera adalah agak kurang.

"Ini adalah kerana kebanyakan daripada saham-saham yang terdapat dipegang oleh agensi-agensi Bumiputera,"katanya.

Mustafa ingin tahu bilakah kadar pemilikan saham secara individu oleh Bumiputera dapat ditingkatkan memandangkan sekarang ini pemilikan saham oleh Bumiputera banyak dalam bentuk agensi.

Dr Mahathir berkata antara punca golongan Bumiputera kurang berjaya dalam pemilikan saham adalah kerana sikap mereka sendiri yang suka melepaskan peluang yang diberi.

"Apabila diberi peluang kadang-kadang mereka jual peluang, apabila diberi kontrak mereka jual kontrak, apabila diberi saham bahagian Bumiputera dalam syarikat-syarikat, mereka jual saham itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana itu kerajaan terpaksa menubuhkan agensi-agensi amanah bagi membeli saham-saham yang diperuntukan untuk Bumiputera, dan kemudiannya memberi peluang kepada individu Bumiputera melabur dalam agensi itu.

"Dengan itu secara tidak langsung pemilikan ini bukanlah oleh agensi sebenarnya, tetapi oleh mereka yang membeli saham-saham ini (dalam agensi itu)," kata beliau.

Beliau berkata promosi untuk menjual saham-saham itu telah banyak

diadakan termasuklah di Kota Baharu dan ramai telah menunjukkan minat untuk membeli.

Malah ada antara Bumiputera yang berjaya itu adalah daripada anggota Dewan Rakyat yang terdiri daripada wakil parti PAS sendiri.

"Ini menunjuk bahawa kita tidak pilih kasih. Kita bagi peluang, tetapi kadang-kadang apabila kita beri peluang, mereka gigit jari kita, maka susahlah kita nak bagi, bagi kali kedua," katanya.

-- BERNAMA

NN HK PR